




LEMBAGA PERLESENAN TENAGA ATOM
(*ATOMIC ENERGY LICENSING BOARD*)
KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI & INOVASI
(*MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY & INNOVATION*)
BATU 24, JALAN DENGKIL
43800 DENGKIL.
SELANGOR



24 MAC 2009

NOTIS PEMBERITAHUAN AELB

Bil. 01/2009

ARAHAN PEMBERHENTIAN PENGGUNAAN PROJEKTOR GAMMA MODEL SENTINEL 460 DI MALAYSIA

TUJUAN

1. Tujuan notis pemberitahuan ini adalah untuk memaklumkan kepada semua pemegang lesen yang berurusan dengan projektor gamma model SENTINEL 460 supaya menghentikan penggunaannya berkuatkuasa serta merta.

LATAR BELAKANG

2. AELB telah menerima maklumat daripada QSA Global, Inc bahawa sijil Type B(U) GB/368A/B(U)-96 tidak lagi diperbaharui setelah menimbang semua aspek pengeluarannya yang terhad serta pemberhentian pengeluaran alat ganti bagi projektor gamma model SENTINEL 460.

3. Atas faktor-faktor yang dinyatakan oleh pihak pengeluar dan ketiadaan sijil pengangkutan Type B(U) yang diperbaharui, AELB memutuskan bahawa pemberhentian penggunaan projektor gamma model SENTINEL 460 wajar dikuatkuasakan serta merta bagi mengelakkan berlakunya masalah pada masa akan datang di samping tidak mematuhi kehendak pengangkutan sepertimana dinyatakan dalam Peraturan-Peraturan Perlindungan Sinaran (Pengangkutan) 1989.

ARAHAN AELB

4. Dengan ini semua pemegang lesen yang berurusan dengan projektor gamma model SENTINEL 460 **menghentikan penggunaan dan penjualan projektor gamma ini serta merta** dari tarikh berkuatkuasa Notis Pemberitahuan ini serta melupuskan projektor model SENTINEL 460 yang dimiliki. Pemegang lesen hendaklah mendapatkan kebenaran Lembaga terlebih dahulu sekurang-kurangnya 14 hari sebelum melupus projektor gamma model SENTINEL 460 sama ada dengan cara:

- 4.1 memulangkan semula peralatan berkenaan kepada pembekal yang dilesen/iktiraf oleh Lembaga sahaja; atau
- 4.2 cara-cara lain yang dibenarkan oleh Lembaga.

5. Pemegang lesen yang mempunyai lesen untuk berurusan dengan projektor gamma model SENTINEL 460 hendaklah **meminda lesen bagi menggugurkan model SENTINEL 460 dalam lesen mereka dengan serta merta**.

PENUTUP

6. Jika terdapat sebarang pertanyaan berhubung dengan notis pemberitahuan ini, sila berhubung melalui alamat di bawah:

Pengarah
Bahagian Dasar, Kod & Standard
Lembaga Perlesenan Tenaga Atom
Kementerian Sains, Teknologi & Inovasi
Batu 24, Jalan Dengkil
43800 Dengkil, Selangor Darul Ehsan
No. Telefon: 03-89225888
No. Faks : 03-89223685
E-mail: pbs@aelb.gov.my
Laman web: <http://wwwaelb.gov.my>